



1103/1

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK**

**Dua Jam Lima Belas Minit**

---

**MODUL SOALAN TOPIKAL CEMERLANG  
AMANJAYA**

**2018**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

**SET 3**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
  2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***
  3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawasan peperiksaan*
  4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 

Modul ini mengandungi 4 halaman bercetak

## Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

*Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada usaha meningkatkan pasaran buah-buahan tempatan.*

*Huraikan pendapat anda tentang usaha meningkatkan pasaran buah-buahan tempatan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

### USAHA MENINGKATKAN PASARAN BUAH-BUAHAN TEMPATAN



**Mempromosikan Buah-buahan Tempatan ke Luar Negara**



**Mempelbagaikan Produk Buah-buahan Tempatan**



**Kempen Makan Buah-buahan Tempatan**

Soalan:

*Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada usaha meningkatkan pasaran buah-buahan tempatan.*

*Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha meningkatkan pasaran buah-buahan tempatan**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

Tugasan soalan: Calon dapat menghuraikan usaha-usaha meningkatkan pasaran buah-buahan tempatan.

Cadangan Jawapan:

1. Mempromosikan buah-buahan tempatan ke luar negara
  - 1.1 meluaskan pasaran buah-buahan ke luar negara.
  - 1.2 lebih banyak negara di dunia tertarik untuk mengimport buah-buahan tempatan
  - 1.3 buah-buahan tempatan akan dikenali di seluruh pelosok dunia
2. Mempelbagaikan produk buah-buahan tempatan.
  - 2.1 meningkatkan kebolehpasaran buah-buahan tempatan.
  - 2.2 Menghasilkan produk berasaskan buah-buahan tempatan yang tahan lama.
  - 2.3 Memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna.
3. Kempen makan buah-buahan tempatan.
  - 3.1 mengadakan promosi jualan murah
  - 3.2 mengiklankan kelebihan makan buah-buahan tempatan melalui kempen makan buah-buahan tempatan.
  - 3.3 Menarik minat masyarakat dan pelancong untuk merasai keenakan buah-buahan tempatan.

Ungkapan Menarik:

1. Tak kenal maka tak cinta.
2. Di empat penjuru dunia.
3. Di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

## Karangan Respon Terbuka

### Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1jam 30 minit]

Jawab soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

**Tahap kesihatan yang baik berkait rapat dengan gaya hidup masyarakat pada masa ini.**

**Ulaskan pernyataan di atas.**

#### Panduan Jawapan:

a) Tugas :

Murid dapat mengulas manfaat gaya hidup sihat terhadap tahap kesihatan masyarakat

b) Format : Tiada

c) Cadangan jawapan

1. Bersenam

1.1 berpeluh - keluar toksin dan garam berlebihan

1.2 pengaliran darah lebih lancar - mampu angkut oksigen dan nutrien dengan efisien

1.3 sistem kardiovaskular berfungsi dengan baik

2. mengamalkan pemakanan seimbang

2.1 tubuh mendapat bekalan nutrien yang diperlukan dengan mencukupi

2.2 serat dan air kosong yang mencukupi membantu melancarkan sistem perkumuhan

2.3 mengurangkan risiko lebihan lemak, minyak, gula dan garam dalam tubuh

3. tidak melakukan perbuatan negatif (dadah, rokok, arak)

3.1 meningkatkan kandungan gula/ narkotin dalam darah

3.2 merosakkan organ dalam tubuh

4. Bijak menangani tekanan/ stres

4.1 mengelakkan kemurungan

4.2 tidak akan melakukan perbuatan yang dapat memudaratkan diri

5. mengambil makanan kesihatan tambahan

5.1 membantu tubuh mendapat vitamin yang mencukupi

5.2 meningkatkan stamina

5.3 meningkatkan daya tahan tubuh menentang penyakit

d) Ungkapan menarik

i. badan cergas otak cerdas

ii. mencegah lebih baik daripada mengubati